

KULIM, 2 MEI (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI KEKUATAN UMNO ADALAH BERGANTUNG KEPADA PERPADUAN AHLI-AHLI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN YANG KUKUH.

KATANYA AHLI-AHLI UMNO SENDIRI HENDAKLAH MEMBERI SUMBANGAN BAGI MENGKUKUHKAN PERBENDAHARAAN UMNO.

+UMNO TIDAK AKAN MENERIMA SUMBANGAN DARI GOLONGAN YANG BERTUJUAN HENDAK MENGONGKONG PARTI, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PADANG SERAI DI SINI.

KATANYA UMNO AKAN DAPAT MENGUMPULKAN SEJUMLAH \$400,000 SEBULAN KALAU SETIAP ORANG DARI 400,000 ORANG AHLINYA DAPAT MEMBERI SUMBANGAN SERINGGIT SEBULAN.

+KALAU CUMA 300,000 ORANG AHLI MEMBERI SUMBANGAN SEPERTI KTU, UMNO MAMPU MENGUMPULKAN \$3.6 JUTA SETAHUN DAN \$18 JUTA DALAM TEMPUH LIMA TAHUN.+

DENGAN WANG SEBANYAK ITU UMNO BUKAN SAHAJA DAPAT MENJALANKAN PENTADBIRAN DAN KEMPEN-KEMPEN PILIHANRAYA YANG LEBIH LICIN BAHKAN DAPAT PULA MELABURKAN MODAL ATAUPUN MENUBUHKAN KOPERASINYA SENDIRI. -- BERSAMPUNG 1440/IP

MAHATHIR - UMNO 2 KULIM

PADA MASA INI AHLI-AHLI HANYA MEMBAYAR YURAN SEBANYAK \$1 SETAHUN DAN YURAN INI DIBAHAGIKAN 50 SEN KEPADA CAWANGAN, 25 SEN KEPADA BAHAGIAN DAN 25 SEN LAGI KEPADA IBUPEJABAT.

DENGAN INI IBUPEJABAT UMNO HANYA DAPAT MENGUMPULKAN KIRA-KIRA \$100,000 SETAHUN SEDANGKAN PERBELANJAANNYA TERMASUK PENTADBIRAN, GAJI DAN ALAUN PEGAWAI-PEGAWAI ADALAH KIRA-KIRA \$1 JUTA SETAHUN.

DENGAN KEADAAN DEMIKIAN, UMNO TERPAKSA MENDAPATKAN SUMBANGAN DAN DERMA UNTUK MENAMPUNG KEKURANGAN PERBELANJAAN IBUPEJABAT.

MENYENTUH TENTANG PERPADUAN DALAM UMNO, DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP AHLI HENDAKLAH BERUSAHA MENERATKAN LAGI PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN DALAM PARTI.

INI ADALAH PERLU KERANA KEKUATAN KERAJAAN ADALAH BERGANTUNG KEPADA UMNO.

TETAPI WALAUPUN SEMUA AHLI UMNO SEDAR TENTANG KEADAAN INI, TETAPI TERDAPAT PULA AHLI YANG BANYAK MIRIP KEPADA PERPECAHAN DARIPADA PERPADUAN.

BELIAU MENINGGATKAN +KALAU KEADAAN SUDAH MENJADI BURUK, KITA TIDAK PERLU LAGI MENYATUPADUKAN DIRI KITA,+ KATANYA. -- BERNAMA 1442/YF

MAHATHIR-UMNO 3 KULIM (SAMBUNGAN BIL 535)

KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMPAHAN BERHARGA \$180,000 DI SEKOLAH KEBANGSAAN JUNJUNG, LAPAN BATU DARI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENKKAJI RANCANGAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI.

INI TERMASUK MENAMBAHKAN BILANGAN GURU TERLATIH DAN MENKKAJI SEMULA SUKATAN PELAJARAN SERTA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PELAJARAN SEPERTI BILIK DARJAH DENGAN LEBIH BANYAK LAGI.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, BERKATA PADA MASA INI, TERDAPAT HAMPIR TIGA SUKU PELAJAR UNIVERSITI-UNIVERSITI DATANG DARI LUARBANDAR.

INI SATU BUKTI BAHWA DASAR EKONOMI BARU UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP PENDUDUK LUARBANDAR DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SEDANG MENGELUARKAN HASIL YANG AMAT MENGGALAKAN.

BELIAU JUGA MEMUJI SEKOLAH TERSEBUT KERANA MENGGALAKKAN MURIDNYA MENYIMPAN WANG DI BANK SIMPANAN NASIONAL BERJUMLAH \$3,152.20 SETAKAT INI. -- BERNAMA 1514/LK